

ORANG ASLI DI PAHANG PALING RAMAI DIVAKSIN

KUANTAN, 15 JULAI 2021 : Orang Asli di Pahang paling ramai menerima suntikan vaksin COVID-19 berbanding negeri lain di Semenanjung dengan jumlah keseluruhan seramai 17,250 orang, sehingga 13 Julai lalu.

Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Pahang, Encik Johari Alwi berkata, jumlah itu adalah kira-kira 32 peratus daripada keseluruhan 54,164 orang yang layak divaksin.

“Seramai 13,811 (25.5%) telah menerima suntikan dos pertama vaksin COVID-19 manakala seramai 3,439 (6.35%) pula telah lengkap kedua-dua dos mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP).

Jumlah penerima vaksin di kalangan Orang Asli ini bertambah sebanyak 12,358 orang daripada 4,892 orang seperti yang telah dilaporkan oleh Pahang Media bertarikh 8 Julai, baru-baru ini.

Encik Johari berkata, kejayaan luar jangka ini adalah hasil usaha dan kerjasama pelbagai pihak terutama Kerajaan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan beberapa agensi lain.

Dalam pada itu, beliau berkata, JAKOA Negeri Pahang telah menerima pendaftaran sebagai penerima vaksin COVID-19 seramai 31,825 setakat ini.

Daripada jumlah keseluruhan 54,164 Orang Asli yang layak menerima suntikan vaksin, seramai 28,318 terdiri daripada mereka yang berusia di antara 30 hingga 60 tahun.

Manakala penduduk Orang Asli yang berusia 18 hingga 29 tahun pula seramai 20,643 orang diikuti seramai 5,203 orang berusia 61 tahun dan ke atas. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo

Oleh : Fansurina Abdullah

(LIPUTAN BERGAMBAR)



**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**



JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI MALAYSIA
(KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR)



